

Headline	Hanya jemaah lulus saringan boleh tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	13	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	Noor Atiqah Sulaiman	AdValue	RM 10,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,467



Hanya jemaah lulus saringan boleh tunai haji

» *Garis panduan
terbaharu selepas
Arab Saudi
isytihiarkan
virus MERS serius*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman

✦ Putrajaya

Bakal haji yang gagal melepasi ujian saringan kesihatan tidak dibenarkan menunaikan ibadat haji tahun ini, selaras dengan garis panduan kesihatan terbaharu Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata syarat baharu itu berikutan serangan virus Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS) di Asrab Saudi.

"Garis panduan terbaharu itu dikeluarkan selepas Kerajaan Arab Saudi mengisytihiarkan virus itu semakin serius selepas dua orang sudah meninggal dunia akibat serangan itu.

"Justeru, pihak kami sudah mengambil langkah perlu bagi memastikan hanya jemaah yang lulus ujian saringan kesihatan dibenar menunaikan ibadat haji bagi sesi tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pertemu-

an dan Ucapan Selamat Jalan kepada Anak-Anak PERMATA Insan yang akan mengunjungi Arab Saudi, di sini semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang juga Penaung Program PERMATA Negara.

Lawatan ilmiah

Sementara itu, Rosmah berkata seramai 29 anak Program PERMATA Insan yang berusia dalam lingkungan 12 tahun, terpilih mengikuti lawatan ilmiah ke Jeddah, Makkah dan Madinah bermula hari ini hingga 18 April ini.

Beliau berkata, melalui lawatan berkenaan, anak PERMATA dapat didedahkan kepada pengalaman sebenar mengenai apa yang sudah mereka belajar sejak menyertai program itu.

Katanya, kanak-kanak berkenaan akan dapat menghayati dan menanam rasa cinta kepada Rasulullah selari dengan pembelajaran yang diterapkan dalam program PERMATA selama ini.

Headline	Hanya jemaah lulus saringan boleh tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	13	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	Noor Atiqah Sulaiman	AdValue	RM 10,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,467



Rosmah dan Abdul Azeez bersama anak PERMATA Insan di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.
 (FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BHI)